

TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEMPENA
KARNIVAL BANK RAKYAT-A-HEART AUTISM LYMPIC TAHUN 2018
BERTEMPAT DI PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN
PUTRA (PTSFP) UniMAP, PAUH PUTRA
PADA 6 MEI 2018 JAM 11.30 PAGI

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“*Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju*”

serta Salam “*Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP*”.

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadrat Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya juga maka dapatlah kita bersama-sama sekali lagi pada hari yang sungguh berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Naib Canselor dan seluruh Jawatankuasa Pelaksana yang terdiri daripada pihak penaja khususnya Bank Rakyat, kakitangan UniMAP, pelajar, dan sukarelawan serta semua pihak yang menjayakan karnival ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Pemasaran Dan Komunikasi Bank Rakyat Encik Nizam Sani, Ketua Komunikasi Korporat Encik Nizam Abu Samah, Penolong Ketua Pengurusan Aktiviti (Memangku Ketua Pengurusan Aktiviti) Encik Azhar Zakaria, dif-dif kehormat, para tetamu, para peserta terutama sekali anak-anak autisme yang diraikan di karnival ini.

Hadirin sekalian,

Pada Saya, penganjuran karnival ini diibaratkan sebagai “*Pucuk Dicita Ulam Mendatang*” kepada anak-anak autisme yang pastinya memerlukan kelainan dari segi keperluan pendedahan mereka serta keluarga.

Ketika kita sedang asyik dan sibuk menghadapi cabaran terutamanya dalam era Revolusi Industri 4.0 ini, tanggungjawab kita terhadap anak-anak autisme ini janganlah mudah dilupa.

Kehadiran mereka sebenarnya memberi peluang kepada kita untuk saling menghargai antara satu sama lain sekaligus mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih berkasih sayang dan harmoni.

Justeru, Saya ingin menarik perhatian semua pihak supaya marilah kita sama-sama meneruskan khidmat masyarakat terhadap anak-anak istimewa ini kerana mereka juga berpotensi mencipta kejayaan seperti mana anak-anak normal yang lain, cuma memerlukan kita untuk berfikir lebih kreatif bagi menjaga dan mendidik mereka.

Pada kesempatan ini, ingin Saya kongsikan beberapa sokongan dan bantuan yang dapat kita laksanakan terhadap anak-anak autism. Antaranya:

Pertama

Membuang rasa ego dalam diri sendiri serta perasaan malu memiliki anak-anak autisme. Kurangnya pengetahuan dan sikap ego sesetengah ibu bapa menyebabkan anak-anak autisme terlepas peluang mendapatkan rawatan dan terapi yang sewajarnya.

Kedua

Mengenalpasti kecenderungan dan minat anak-anak austime ini seterusnya menggilap potensi mereka melalui latihan berterusan sekaligus dapat meningkatkan kemahiran mereka.

Ketiga

Negara-negara luar seperti Korea Selatan mengambil inisiatif menerusi drama autisme bertajuk “A Good Doctor” malah diterbitkan semula oleh Amerika Syarikat semata-mata bagi meningkatkan pengetahuan autisme kepada orang awam.

Difahamkan di negara kita juga, sebuah filem bertajuk ‘Redha’ pernah diterbitkan dan ditayangkan pada April 2016. Justeru, penerbit drama atau filem di negara ini digalakkan menerbitkan lebih banyak drama atau filem berkualiti sebegini bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai autisme.

Keempat

Banyakkan carian mengenai modul pembelajaran khas yang ditawarkan di sekolah seperti pendidikan khas dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang berdekatan kawasan anda agar perkembangan anak-anak autisme ini dapat berkembang dengan baik, serta

Kelima

Bantuan dan dana tidak hanya mengharapkan dari tajaan semata-mata tetapi masyarakat harus memberi sokongan dengan menyalurkan sumbangan tanpa mengira masa atau musim. Pengajuran program-program autisme secara berkala dapat membantu mendapatkan dana yang mencukupi untuk masa hadapan mereka.

Saya berharap langkah dan panduan ini dapat mencetuskan idea kepada masyarakat bagi mengambil inisiatif meningkatkan kesedaran mengenai autisme sekaligus membawa mereka ke puncak kejayaan.

Adalah menjadi satu kerugian sekiranya potensi mereka diabaikan dan bakat mereka dibiarkan tanpa sebarang sokongan.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih sekali lagi kepada pihak penaja iaitu Bank Rakyat, peserta, keluarga, sukarelawan serta para pengunjung yang menjayakan karnival ini.

Kepada anak-anak autisme dan keluarga, ingatlah bahawa kami di UniMAP akan sentiasa membantu anda.

Dengan ini, Saya merasmikan ‘Karnival Bank Rakyat-A-Heart Autismlympic Tahun 2018’ bertempat di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSF) UniMAP, Pauh Putra.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wasalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.